

# MOTIDONE TABLET

Domperidone (10mg)

## Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan MOTIDONE
2. Bagaimana MOTIDONE berfungsi
3. Sebelum menggunakan MOTIDONE
4. Cara menggunakan MOTIDONE
5. Semasa menggunakan MOTIDONE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MOTIDONE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan MOTIDONE

Simptom masalah penghadaman yang sering dikaitkan dengan pengosongan perut yang lambat, *gastro-oesophageal reflux* dan radang esofagus :

- Rasa epigastrik kenyang lebih awal, rasa kembung abdomen, sakit abdomen
- Kembung perut, bersendawa, angin dalam perut
- Loya dan muntah-muntah
- Pedih ulu hati dengan atau tanpa pengaliran balik kandungan perut di dalam mulut.

## Bagaimana MOTIDONE berfungsi

MOTIDONE adalah ubat antiemetik dan prokinetik. Ia berfungsi dengan menghalang penghantaran bahan kimia dalam otak yang menyebabkan rasa loya dan muntah, serta meningkatkan pergerakan atau pengecutan perut dan usus, yang membolehkan makanan bergerak dengan lebih mudah melalui perut.

## Sebelum menggunakan MOTIDONE

- *Bila tidak boleh menggunakan*  
Jangan ambil MOTIDONE jika:

- anda alah kepada MOTIDONE atau sebarang bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini
- anda mempunyai tumor di kelenjar pituitari yang dikenali prolaktinoma.
- perut dan usus berdarah, tersumbat atau berlubang
- mencegah muntah selepas pembedahan atau untuk penggunaan jangka panjang.

- *Sebelum menggunakan MOTIDONE*

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- anda hamil atau bercadang untuk hamil. Ubat ini boleh digunakan semasa hamil hanya jika diperlukan.
- anda mempunyai atau pernah mengalami penyakit hati
- anda mempunyai sejarah kanser payudara

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil MOTIDONE.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan MOTIDONE boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Ubat antikolinergik, yang digunakan untuk merawat kekejangan perut

- Antacids, ubat-ubatan untuk merawat pedih ulu hati
- *Antisecretory medicines*
- Bromocriptine, Atropine ubat-ubatan untuk merawat penyakit Parkinson

## Cara menggunakan MOTIDONE

- *Berapa banyak harus digunakan*

### Dewasa:

10 mg 3-4 kali sehari. Jika perlu, dos ini boleh digandakan selepas dua minggu jika respon tidak mencukupi.

- *Bila perlu digunakan*

Waktu terbaik untuk mengambil adalah 15 hingga 30 minit sebelum makan dan sekiranya perlu sebelum waktu tidur.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil tablet anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil MOTIDONE, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Sesetengah simptom terlebih dos termasuk:

- rasa mengantuk
- pergerakan yang tidak terkawal

**Semasa menggunakan MOTIDONE**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MOTIDONE.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil MOTIDONE.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi MOTIDONE kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan MOTIDONE merawat sebarang masalah lain, melainkan diarah oleh doktor anda

Jangan menggunakan MOTIDONE bila anda sedang menyusu anak atau bercadang untuk menyusu anak kecuali

manfaat melebihi potensi risiko yang dijangka

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu dan mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana MOTIDONE mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan Sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mendapat sesetengah kesan sampingan.

Terdapat laporan mengenai kesan buruk yang mungkin berkaitan dengan peningkatan prolaktin serum. Kesan ini termasuk : pembesaran payudara pada lelaki, sakit payudara, payudara bengkak, haid tidak teratur, ketiadaan haid yang tidak normal, pengurangan atau kehilangan nafsu seks, rembesan payudara dan rembesan susu ibu. Kesan-kesan ini berlaku pada orang yang menerima sehingga 120 mg setiap hari dalam empat dos berbahagi.

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami mana-mana masalah berikut:

- sakit kepala, masalah tidur, pening, keletihan atau marah
- mulut kering atau haus
- perut kejang, cirit-birit, pertukaran selera makan atau pedih ulu hati
- ruam atau kulit gatal
- mata gatal dan kelopak mata berkuping dengan lelehan
- ulser mulut atau kudis sejuk

Ini adalah kesan sampingan ringan MOTIDONE. Beritahu doktor anda sekiranya keadaan berterusan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan MOTIDONE**

- Penyimpanan

Simpan ubat di tempat dengan suhu di bawah 25°C. Lindunginya daripada cahaya.

Jangan simpan MOTIDONE atau sebarang ubat dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggal dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan MOTIDONE di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari berkunci yang sekurang-kurangnya satu setengah meter ke atas adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil MOTIDONE atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Pulangkan sebarang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda.

### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Pil berbentuk bujur, berwarna merah jambu dengan tanda “DUO”

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Domperidone

Bahan tidak aktif:

- Promigel
- Tween 80
- Polyvinylpyrrolidone
- Lactose
- Aerosil
- Carmoisine
- Cornstarch
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19984023A

### **Pengilang**

Duopharma (M) Sdn Bhd.

(42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.

(42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

21/12/2015

### **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)031215/00479